

ABSTRAK

Kajian disertasi ini telah mengambil sebanyak seratus lima puluh rangkap pantun Melayu yang bertemakan agama sebagai bahan kajian daripada buku *Kumpulan Pantun Melayu*, oleh Zainal Abidin Bakar (peny), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1984.

Pantun yang mempunyai keistimewaan tersendiri itu merupakan cerminan pemikiran dan corak kehidupan masyarakat Melayu tradisional. Keupayaan pantun berperanan sebagai alat pengucapan agama dan akhlak merupakan sesuatu yang istimewa, kerana berperanan sebagai alat komunikasi masyarakat nusantara dalam pelbagai acara atau kegiatan mereka. Ajaran Islam dapat disampaikan secara halus melalui maksud pantun yang dicipta.

Kajian jenis pantun yang bertemakan agama yang dikaji ini mempunyai hubungan dengan al Quran. Di sini ingin dijelaskan bahawa al-Quran merupakan sumber utama kepada pengarang dalam menghasilkan pantun yang bertemakan agama dan akhlak itu.

Dengan menggunakan teori intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva, pengkaji cuba memperlihatkan pengaruh al-Quran dalam pantun Melayu. Penjelasan ini akan memperlihatkan wujudnya proses-proses transformasi, modifikasi, haplogi dan parallel, iaitu antara prinsip-prinsip intertekstualiti yang sesuai digunakan dalam pengaplikasiannya ke atas pantun yang dikaji.

Akhirnya nanti, dengan menggunakan teori intertekstualiti, penemuannya ialah, " dalam sebuah teks terdapat beberapa buah teks".

ABSTRACT.

This research contains one hundred and fifty Malay pantun with religious theme as the component of the research from *Kumpulan Pantun Melayu* book, by Zainal Abidin Bakar (arrg.) published by Dewan Bahasa and Pustaka, 1984.

The Malay pantun contains a myriad of Malay cultural content ranging from daily lifestyle to religious beliefs and thinking. The capabilities of Malay pantun to portray the cultural influences of the Malays is astounding. Moreover it managed to be passed down the generations as an important communication medium which literally comprise the Islamic teachings successfully.

Research of the Malay pantun that relates with the teaching of al-Quran becomes the main subject of this dissertation.

Using intertextuality theory that was introduced by Julia Kristeva, the research will try to delve within the world of the Malay pantun, its transformation process, modification, haplology and parallels.

Hopefully the end results of this research will be able to single out the Malay pantun as a text with many textual content.